

KELAS PERTAMA!

Jumlah penerima Anugerah Cemerlang Mendaki tertinggi sejak badan bantu diri itu ditubuhkan 31 tahun lalu

► SHAMSUL JANGARODIN
shamj@sph.com.sg

MASYARAKAT Melayu/Islam semalam menyaksikan 21 Anugerah Cemerlang Mendaki – yang tertinggi sejak Yayasan Mendaki ditubuhkan 31 tahun lalu – diberikan kepada anak-anak muda yang lulus universiti dengan kepujian kelas pertama.

Mereka adalah antara sejumlah 345 penerima Anugerah Mendaki tahun ini.

Menyifatkan angka penerima anugerah berprestij itu sebagai “satu pencapaian yang harus dihargai”, Menteri Bertanggungjawab Bagi Ehwal Masyarakat Islam, Dr Yaacob Ibrahim, berkata ia menunjukkan usaha yang dijalankan semua pihak bagi menyokong masyarakat mencapai kejayaan tinggi dalam bidang pengajian dan pembelajaran telah membawa hasil yang cukup baik.

“Saya rasa ini kerja keras yang diperolehi oleh masyarakat kita, ibu bapa dan sebagainya, dan ia menunjukkan bahawa keinginan masyarakat kita untuk mencapai tahap tertinggi.

“Saya juga rasa mereka (kesemua 21 penerima anugerah) boleh menjadi perangsan bagi masyarakat bahawa kita boleh, sebagai orang Melayu, mencapai ruang paling tinggi jika kita inginkan,” kata Dr Yaacob.

Beliau berkata demikian semasa ditemui di akhir majlis penyampaian Anugerah Mendaki di Pusat Konvensyen Politeknik Singapura semalam.

Semua penerima Anugerah Cemerlang Mendaki harus menamatkan pengajian di Universiti Nasional Singapura (NUS), Universiti Teknologi Nanyang (NTU), Universiti Pengurusan Singapura (SMU) dan universiti terunggul lain.

Anugerah Mendaki tahun ini disampaikan oleh Pemangku Menteri Tenaga Manusia, Encik Tan Chuan-Jin.

Ditanya *Berita Harian* sekiranya angka bilangan lulusan dengan kepujian kelas per-



BINTANG MUDA MELAYU/ISLAM: Para lulusan kepujian kelas pertama dari NUS, NTU, SMU dan beberapa universiti terunggul dunia ini diiktiraf Yayasan Mendaki dengan pemberian anugerah berprestij, Anugerah Cemerlang Mendaki, semalam. Encik Muhammad Raimi berdiri (*empat dari kiri*) manakala tiga lagi tidak ada dalam gambar kerana tidak dapat hadir di majlis tersebut. – Foto TAUFIK A. KADER

tama itu sebenarnya lebih tinggi daripada 21 orang tahun ini kerana terdapat sebahagian yang tidak dikesan Mendaki, Dr Yaacob akur dan menambah:

“Kita tidak tahu kerana mungkin juga ada data-data dari luar negeri yang tidak diketahui.”

Kesemua 21 penerima itu – tiga daripada mereka tidak dapat hadir – mendapat sijil dan wang tunai \$1,000.

Salah seorang daripadanya, Encik Mu-

hammad Raimi Rahmat, 25 tahun, lulusan sarjana muda dari Universiti Manchester dan sarjana dari Sekolah Ekonomi London (LSE), kedua-duanya dalam bidang matematik kewangan, dipilih sebagai penyampai ucapan perpisahan di majlis semalam.

Beliau juga penerima Biasiswa Mahasiswa Cemerlang SIA-Mendaki bernilai \$350,000 untuk belajar di luar negara.

“Saya terhutang budi kerana tanpa biasiswa ini, sudah tentu saya tidak boleh bela-

jar di luar negara.

“Saya ingin menggalak lebih ramai anak muda kita mencebur ke bidang matematik kerana ramai cendekiawan Islam terdahulu merupakan ahli matematik dan seharusnya ia dilihat sebagai satu dorongan kepada kepada kita,” kata Encik Muhammad Raimi dalam ucapannya.

Bapanya seorang teknisyen kanan dan ibunya seorang suri rumah.

Ditanya selepas acara itu mengapa beliau

Saya
Berita Harian
Muka 2

SOLAT

Subuh	5.42
Syuruk	6.59
Zuhur	1.04
Asar	4.11
Maghrib	7.07
Isyak	8.16

gemarkan matematik, anak kedua daripada tiga beradik itu berkata:

“Saya boleh buat matematik dengan baik. Saya tidak bagus dalam penulisan ese, jadi sebab itu saya pilih bidang matematik di universiti.”

Selain mereka, 321 graduan dan pelajar dari pelbagai peringkat pendidikan juga masing-masing menerima lima lagi anugerah: Anugerah Mendaki; Anugerah Mendaki (Diploma International Baccalaureate); Anugerah Khas Mendaki; Anugerah Pencapaian Khas Cemerlang (Akademik); dan Anugerah Pencapaian Khas.

Pada tahun ini juga, bilangan penerima daripada kategori Institut Pendidikan Teknikal (ITE) dan GCE Peringkat ‘O’ (Madrasah) mencatatkan jumlah tertinggi.

